

WARTA DELIMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU 5
JALAN JENIANG, 08300 GURUN, KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04-4680018 FAKS : 04-4680549
Email : smkbtlima.ppdkmy@gmail.com

*Untuk Edaran Dalam Sahaja

Bil. 1/2014

JANUARI

Lawatan Kerjaya Pelajar Tingkatan 5

Oleh **Muhammad Amirul Aizat Jaafar** dan
Muhammad Azri Nasrudin (5 Sains)



PARA PESERTA mendengar taklimat yang disampaikan oleh pensyarah **POLIMAS**.

SMK Batu 5, 6 Januari 2014 – Pelajar-pelajar Tingkatan 5 Sains, 5KJ, 5K1 dan 5K2 telah menyertai lawatan kerjaya yang dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah. Empat buah bas telah disediakan sebagai pengangkutan dalam lawatan ini.

Seawal 8.00 pagi, semua pelajar dan guru pengiring yang terdiri daripada En. Ahmad Sobri Hamzah, Pn. Noorhayati Yusuff, Pn. Roshida Che Ya, Pn. Fuziah Ismail, Cik Fazirah Awang dan En. Teoh Kean Weng telah bertolak. Lawatan ini dibahagi kepada dua, iaitu 2 buah bas ke Kolej Komuniti Jitra dan 2 buah bas ke Institut Perguruan Darul Aman (IPDA).

Para peserta diberi penerangan tentang cara-cara dan kelayakan untuk melanjutkan pengajian ke IPT. Lawatan ke destinasi pertama tamat pada pukul 12.00 tengah hari. Seterusnya, keempat-empat buah bas bergerak ke Politeknik Muadzam Shah (POLIMAS). Setibanya di sana, peserta diberi taklimat tentang kursus-kursus yang ditawarkan. Peserta juga diberi risalah dan sebatang pen sebagai cenderamata. Setelah selesai taklimat, para peserta beredar ke kantin untuk menikmati hidangan tengah hari yang disediakan oleh pihak POLIMAS.

Lawatan ini telah membuka mata para peserta supaya berusaha lebih gigih dalam peperiksaan SPM tahun 2014.

Asrama SMK Batu 5 Terbakar!

Oleh **Lina Farhana Mohd Noor (5 Sains)**



ANGGOTA BOMBA DAN PENYELAMAT tiba di asrama sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan.

SMK Batu 5, 24 Januari – Seluruh penghuni asrama telah digemparkan dengan suatu kejadian kebakaran apabila beberapa orang penghuni asrama terhidu asap kebakaran. Kejadian itu berlaku pada pukul 1.50 pagi ketika semua penghuni asrama sedang nyenyak tidur. Seluruh penghuni asrama bergegas meninggalkan kamar mereka ke tempat berhimpun yang ditetapkan apabila loceng kecemasan dibunyikan.

Beberapa minit kemudian, pihak bomba dan penyelamat dari Balai Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak tiba. Selepas kedatangan diambil, didapati beberapa mangsa terperangkap di dalam bangunan asrama. Pasukan Bomba dan Penyelamat bertindak pantas untuk menyelamatkan mangsa kebakaran. Mujurlah tiada sesiapa yang cedera atau terkorban kerana kejadian ini hanya latihan kebakaran sahaja.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak, PPgB Tuan Abdul Muin Ayob menyampaikan taklimat dan ulasan tentang latihan yang telah dijalankan. Beliau berharap agar para penghuni asrama akan lebih serius dan pantas bertindak sekiranya berlaku sesuatu kecemasan pada masa akan datang.

Latihan kebakaran yang berakhir pada pukul 3.00 pagi ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada semua warga asrama tentang tatacara bertindak sekiranya berlaku kebakaran atau apa-apa kecemasan.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Sekolah

Oleh Izzah Abd Aziz (5 Sains)



USTAZ MUHAMMAD HAFIZ menyampaikan ceramah Maulidur Rasul.

SMK Batu 5 – Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Sekolah 2014 telah dijalankan dengan jayanya pada 16 Januari yang lalu bertempat di Dewan Seri Delima.

Objektif Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang bertemakan “Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah” ini bertujuan untuk mengembalikan ingatan terhadap Nabi Muhammad S.A.W dan menambahkan rasa kecintaan kepada Rasulullah. Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk mengenang, menghargai serta mengambil iktibar daripada kisah perjuangan baginda dan menghayati cara hidup Islam.

Majlis ini diserikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hafiz Badrolzaman, Pensyarah Undang-undang, Pusat Pengajian Undang-undang (COLGIS), Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

Majlis yang bermula pada pukul 12.30 tengah hari dan berakhir pada pukul 2.30 petang ini telah memberikan pelbagai input kepada pelajar tentang sejarah perjuangan Nabi Muhammad S.A.W.

Selamat Tinggal Kelas 4 Sains

Oleh **Muhammad Ariff Haiqal Md Pisol (4 Sains)**

Kelas 4 Sains kehilangan 12 orang pelajar kerana mereka telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama.

8 orang pelajar, iaitu Muhd Sharul Azizi Suaid, Nur Athirah Jaffry, Umi Najwa Salleh, Nurhana Fatimah Abdul Mutalib, Muhd Syafiq Mahzailan, Muhd Fahmi Jasni, Muhd Aqil Amsyar Zuri dan Sharifah Suraya Rosle telah bertukar ke SM Teknik, Alor Setar.

4 orang pelajar, iaitu Muhd Naim Chahrodin ke SM Sains Sultan Abdul Halim, Jitra, Nurqamarina Husna Ismail ke SM Agama Kedah, Nurul Ashirah Ashri

ke SM Agama Sik dan Siti Aisyah Umairah Shahizan ke Kolej Vokasional Sungai Petani 2.

Kini, kelas tingkatan 4 Sains mempunyai 15 orang pelajar sahaja. Diharapkan pelajar-pelajar yang berpindah itu akan dapat menyesuaikan diri di sekolah baharu dan pelajar-pelajar yang masih kekal di Kelas 4 Sains dapat meneruskan perjuangan untuk mengharumkan nama SMK Batu 5.

Rumah Modenas Johan Merentas Desa 2014

Oleh **Mohd Hazim Iqbal Gazata (5KJ)**



PARA PESERTA berlari dengan penuh semangat kesukanan.

SMK Batu 5, 29 Januari – Kejohanan Merentas Desa Kali ke-13 Tahun 2014 telah berlangsung dengan jayanya.

Bagi johan kategori lelaki, Kelas 1 dimenangi oleh Mohd Yusri Hakimi, 4K3 (Modenas), Kelas 2 dimenangi oleh Mior Naquiddin Shahbudin, 3A5 (Modenas) dan Kelas 3 diraih oleh Muhammad Afiq Syarim, 1A5 (Modenas).

Johan kategori perempuan Kelas 1 dimenangi oleh Wan Nurul Syafinaz Noorzan, 4K1 (Perwaja), Kelas 2 dimenangi oleh Eswary a/p Permal, 3A2 (Petronas) dan Kelas 3 dimenangi oleh Khairunisa Sukori, 1A5 (Naza).

Rumah Modenas telah dinobatkan sebagai johan dengan meraih 575 mata. Naib johan ialah rumah Petronas dengan memperoleh 394 mata. Tempat ketiga ialah rumah Perwaja, 381 mata dan rumah Naza meraih tempat keempat dengan mendapat 342 mata.

Yang Dipertua PIBG SMK Batu 5, En. Amir Dahlan telah menyampaikan pingat dan piala kepada peserta yang berjaya. Kejohanan Merentas Desa yang bermula pada pukul 8.30 pagi ini berakhir pada pukul 11.15 pagi.

Warta Delima diterbitkan sebulan sekali. Para pelajar dialu-alukan menyumbang apa-apa berita yang berlaku di sekolah.

Berita boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Hantarkan berita anda sama ada bertulis tangan atau e-melkan kepada Guru Cemerlang Bahasa Melayu,

En. Zamri Salleh:

zamrisalleh.smkbt5@gmail.com